

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Che Rosli Bin Che Mat minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan akan diambil bagi memberi kefahaman kepada rakyat terutama pengguna domestik yang terlibat dengan surcuj 1.6 peratus berkait dengan FiT dan kumpulan wang tenaga boleh baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi memberi kefahaman kepada rakyat berkaitan dengan *Feed-in Tariff* (FiT) dan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB), SEDA Malaysia telah melaksanakan pelbagai program komunikasi melalui pelbagai kaedah. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan penyiaran artikel di dalam media cetak Malaysia.
FB, social media?
Artikel-artikel yang telah disiarkan sejak tahun 2011 meliputi topik bagi memberi kesedaran dan mempromosikan Mekanisme FiT, kepentingan Tenaga Boleh Baharu, pembangunan Teknologi Tenaga Boleh Baharu dan kutipan daripada bil elektrik pengguna untuk disumbangkan kepada KWTBB.
2. Selain itu, pengumuman berkenaan setiap penawaran kuota FiT serta hebahan bagi perkara lain berkaitan dengan kuota FiT diumumkan di media utama, selain di laman web SEDA Malaysia, secara tidak langsung memberi pendedahan kepada orang ramai berkenaan dengan FiT dan SEDA Malaysia. Dalam tahun 2014,

lebih daripada 70 artikel telah disiarkan di dalam media utama meliputi Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.

3. SEDA Malaysia juga aktif melaksanakan siri jelajah dan dialog termasuk dengan pihak industri dan orang awam yang terdiri daripada pemilik-pemilik rumah serta pihak berkepentingan yang lain untuk mempromosikan Tenaga Boleh Baharu dan FiT. Sepanjang tahun 2014, 12 program yang telah dilaksanakan termasuk latihan, dialog, taklimat dan hari terbuka di seluruh negara. Selain itu, pameran dan siri jelajah yang dianjurkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta agensi Kerajaan juga turut disertai oleh SEDA Malaysia. Dalam tahun 2014, SEDA Malaysia telah menyertai lebih daripada 20 siri jelajah dan pameran ini. *International Sustainable Energy Summit (ISES) Ke-2* yang merupakan seminar bagi memberi kesedaran kepada orang ramai berkenaan dengan Tenaga Boleh Baharu juga telah dianjurkan pada tahun 2014. Seminar ini diadakan setiap dua (2) tahun dan dihadiri oleh peserta tempatan dan antarabangsa.
